

25/06/2005

IDB-MAHATHIR

DR MAHATHIR PENGERUSI MESYUARAT PERTAMA WAWASAN 1440H IDB PADA SEPT INI

Oleh Massita Ahmad & Nor Baizura Basri

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Mesyuarat pertama Suruhanjaya Wawasan 1440H (Wawasan 2020) Bank Pembangunan Islam (IDB) yang dipengerusikan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, akan diadakan pada September tahun ini.

Mesyuarat itu akan diadakan di Dubai, kata Gabenor Bank Pakistan, Dr Ishrat Husain selepas mempengerusikan bengkel kerja serantau pertama suruhanjaya itu bagi Asia termasuk Suriname, di sini, hari ini.

Beliau berkata suruhanjaya itu akan mengadakan tiga lagi bengkel kerja di Almaty (Kazakhstan), Dubai (Emiriyah Arab Bersatu) dan Ouagadougou (Burkina Faso).

Suruhanjaya itu akan menyediakan satu laporan berdasarkan kepada bengkel kerja itu dan akan diserahkan kepada IDB pada akhir tahun ini.

"Kami telah diminta untuk mengenalpasti aliran utama global yang boleh mempengaruhi peranan dan cabaran IDB bagi tempoh 15 tahun akan datang dan selepasnya serta memberi keutamaan kepentingannya kepada negara-negara anggota Islam," katanya.

Selain itu, Dr Ishrat berkata suruhanjaya tersebut akan mengenal pasti peranan masa depan IDB untuk memberi tindak balas kepada cabaran-cabaran ini dengan mengambil kira tumpuan dalam operasinya dan memajukan pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh IDB.

Suruhanjaya itu dianggotai 11 anggota termasuk bekas presiden Indonesia Prof B.J. Habibie, bekas menteri luar Thailand Dr Surin Pitsuwan dan Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Anggota lain adalah Alimardonov Muhammadievich (Tajikistan), Cheikh Ibrahima Fall (Afrika), Dr Ishrat (Pakistan), Dr Mohamed Bin Khalfan Bin Khirbash (UAE), Mohammad Aba Al-Khail (Arab Saudi), Saleh Abdullah Kamel (Arab Saudi) dan Aicha Bah Diallo (UNESCO).

Dr Mahathir telah dilantik sebagai pengerusi suruhanjaya itu bagi merencana Wawasan 2020 dunia Islam.

Suruhanjaya itu ditubuhkan oleh IDB untuk merangka wawasan yang akan membimbing kumpulan itu memulakan inisiatif strategik dan membawa pembangunan kepada dunia Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengumumkan pelantikan Dr Mahathir pada perasmian Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor IDB ke-30 Khamis lepas berkata Malaysia akan menyokong segala aktiviti suruhanjaya itu.

Dr Mahathir, yang bersara pada 2003, merupakan instrumental dalam merangka Wawasan 2020 Malaysia. -- BERNAMA

MAS NBB MKO CL ZK